

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kerugian turutan kebakaran anda.

Liberty General Insurance Berhad  
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

## 1 Apakah BizOne Loss of Profit?

BizOne Loss of Profit melindungi kerugian ke atas untung, pendapatan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan dalam kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan sebagai akibat kebakaran, kilat, petir, letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik atau mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi**, dengan pembayaran **RM780.00** [setahun] anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak **RM500,000** (atas Kerugian Untung Kasar) jika harta anda didiami sebagai Restoran dan Klasifikasi Pembinaan Bangunan C1A dengan pertambahan lindungan Letupan (bukan domestik) dengan Rusuhan Tunjuk Perasaan dan Kerosakan akibat dari niat jahat:

Polisi ini <b>melindungi</b> :	Polisi ini <b>tidak melindungi</b> :
<p>Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerugian Untung Kasar (perlindungan dasar perbezaan atau dasar tambahan)</li><li>• Kerugian Pendapatan Kasar</li><li>• Kerugian Sewa Kasar</li><li>• Tanggungan Tetap Sahaja</li><li>• Upah (dwi dasar atau 100% atau pro-rata)</li><li>• Upah dan gaji berdasarkan rekod gaji</li><li>• Penambahan kos kerja sahaja</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebarang tindakan keganasan</li><li>• Pengecualian penyakit berjangkit</li><li>• Pengecualian harta siber dan data</li><li>• Risiko radioaktif dan tenaga nuklear</li><li>• Sekatan dan pengecualian</li><li>• Peperangan, perang saudara, serangan, kebangkitan tentera atau perampasan kuasa, pemberontakan, revolusi</li><li>• Kerugian oleh kejadian luar biasa yang terjadi ketika tempoh tergendala</li><li>• Kerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan</li><li>• Kerugian akibat kekurangan modal yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang</li><li>• Kerugian akibat kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana pihak berkuasa awam</li><li>• Bahan senjata nuklear, radiasi atau pencemaran</li></ul>

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Penyekatan Laluan
- Kemudahan Awam
- Jangkitan atau Penularan Penyakit

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan bayaran Fi Jurukira sebagai butir tambahan di bawah polisi ini.

**Nota:** Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 800 88 8121



Layari kami di  
[www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



Emel kami di  
[customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

<b>Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:</b>	
Perlindungan Asas	RM780.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM780.00 (setahun)</b>
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM62.40
(+) Duti Setem	RM10.00
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM852.40 (setahun)</b>
<b>Di mana ini termasuk:</b>	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau <b>RM117.00</b>
<b>Nota:</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.</li><li>• Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.</li><li>• Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM75.00</li></ul>	

### 4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.</li><li>• Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.</li><li>• Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak.</li><li>• Jumlah Diinsuranskan: Anda boleh menginsuranskan harta anda berdasarkan jumlah anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Hasil Kasar / Sewa Kasar bagi tahun sebelum, seperti yang tertera dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran jumlah yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro rata tidak melebihi 50% daripada peruntukan premium yang telah dibayar akan dibuat oleh pihak kami kepada anda berdasarkan perbezaan nilai tersebut.</li><li>• Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.</li><li>• Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.</li><li>• Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.</li><li>• Polisi ini akan dihentikan sekiranya syarikat anda dibubarkan, diuruskan oleh seorang Likuidator atau Penerima (Receiver), atau dihentikan secara kekal.</li><li>• Polisi ini mesti dikeluarkan serentak dengan Polisi Insurans BizOne Fire.</li></ul> <p><b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak lengkap</b>. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.